

KAJIAN SEMULA SYARAT² PELABURAN TAK JEJASKAN DEB

UM 19 MAY 1984

KUALA LUMPUR 18 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa pengkajian semula syarat - syarat pelaburan asing untuk meningkatkan kemasukan modal asing ke negara ini tidak akan menjejaskan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

"Kita tidak harus mempunyai pandangan sempit dalam melaksanakan DEB kerana pemilikan ekuiti lebih kecil dalam syarikat - syarikat gergasi lebih menguntungkan daripada pemilikan sepenuhnya dalam syarikat kecil," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau menggariskan beberapa faktor utama sebelum pemilikan ekuiti lebih kecil itu dibenarkan iaitu:

- Syarikat - syarikat asing itu mempunyai modal besar
- Hasil keluarannya adalah untuk eksport
- Penggunaan teknologi termoden

- Penggunaan sumber bahan mentah dan tenaga manusia tempatan
- Perdana Menteri berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Persidangan Pemimpin - Pemimpin Ulung Perniagaan Mengenai Pembannunan

Ekonomi Nasional di Hotel Hilton.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian kepada perlunya Syarikat Dunlop menyusun semula ekuitinya supaya terdapat 51 peratus milik tempatan di dalamnya kerana hasil pengeluaran syarikat itu dipasarkan di dalam negeri ini.

Katanya, sekiranya Syarikat Dunlop memasarkan keseluruhan hasil keluarannya di luar negeri dan meningkatkan modal pelaburannya maka tidak perlu pemilikan ekuiti begitu besar.

Perdana Menteri yakin bahawa pemilikan cuma 30 peratus ekuiti dalam syarikat gergasi bukan saja menarik pelaburan asing

tetapi juga memasukkan teknologi baru, menambahkan peluang pekerjaan dan sebagainya. Sebagai contoh, katanya, kerajaan hendak menjadikan Malaysia pengeluar terbesar tayar di dunia kerana terdapat sumber bahan mentah dan tenaga manusia yang banyak tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana ketiadaan modal besar dan kepakaran, yang tinggi.

• Modal

Katanya, di sinilah letaknya peranan syarikat - syarikat gergasi asing yang bukan saja mempunyai modal besar tetapi juga kepakaran dan rangkaian pemasaran antarabangsa.

Tambah beliau, pemilihan 70 peratus atau 100 peratus modal asing di negara ini bukannya perkara yang baru kerana syarikat - syarikat elektronik mempunyai modal 100 peratus asing dan hasilnya dieksport keluar negeri.

Ditanya kemungkinan Petronas diswastakan, kata beliau, perkara itu tidak timbul kerana kegiatan mengerudi dan mengeluarkan minyak menguntungkan kerajaan.

Bagaimana pun, katanya, Petronas mungkin dapat membenarkan kemasukan modal swasta dalam kegiatan - kegiatan lain seperti perusahaan berasaskan gas dan sebagainya.